# “Sesungguhnya Allah telah mewajibkan beberapa kewajipan, maka janganlah kamu sia-siakannya, dan Dia telah menetapkan had batas, maka janganlah kamu langgar ia dan Dia telah mengharamkan beberapa perkara, maka janganlah kamu melanggarnya dan Dia telah mendiamkan beberapa perkara sebagai rahmat untuk kamu, bukan kerana lupa, maka janganlah kamu mencari-cari tentangnya.”

Daripada Abu Tha‘labah al-Khushani, Jurthum bin Nashir رضي الله عنه, daripada Rasulullah صلى الله عليه وسلم, Baginda bersabda: “Sesungguhnya Allah telah mewajibkan beberapa kewajipan, maka janganlah kamu sia-siakannya, dan Dia telah menetapkan had batas, maka janganlah kamu langgar ia dan Dia telah mengharamkan beberapa perkara, maka janganlah kamu melanggarnya dan Dia telah mendiamkan beberapa perkara sebagai rahmat untuk kamu, bukan kerana lupa, maka janganlah kamu mencari-cari tentangnya.”

[قال النووي: حديث حسن] [رواه الدارقطني في سننه وغيره]

Nabi  memberitahu bahawa Allah telah mewajibkan beberapa perkara dan menetapkan kewajipan, maka patuhilah serta janganlah kamu mengabaikannya dengan meninggalkannya atau memandang ringan terhadapnya. Allah juga menetapkan batasan dan larangan yang jelas untuk menjadi penghalang dan peringatan kepada kamu daripada melakukan perkara yang tidak diredai-Nya, maka janganlah kamu melampauinya dengan menambah sesuatu di luar ketetapan syarak. Allah mengharamkan perkara-perkara tertentu, maka janganlah kamu mengambilnya atau mendekatinya. Adapun perkara selain daripada itu, Allah meninggalkannya dan tidak menjelaskannya sebagai rahmat-Nya kepada para hamba-Nya, maka hukumnya kekal berdasarkan asal iaitu harus, dan janganlah kamu terlalu mencari-carinya.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/66510